

Amira dedah rahsia raih emas

» Pengalaman dan status pemegang rekod kebangsaan bakar semangat

Oleh Mohd Fitrie Muhamad
mfitrie@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Faktor pengalaman dan status pemegang rekod kebangsaan membantu Noor Amira Mohamad Nafiah memenangi pingat emas buat Universiti Putra Malaysia (UPM) acara lompat kijang Sukan Institusi pengajian Tinggi (SUKIPT) di Stadium Mini Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil, semalam.

Walaupun gagal menyamai rekod kebangsaan miliknya sendiri (13.90 meter), tetapi catatan 12.58m memadai meraih emas apa lagi apabila beraksi dalam keadaan menahan sakit ekoran kecederaan tumit ketika beraksi di Terbuka Malaysia, bulan lalu.

"Ini bukan pencapaian terbaik saya dan tidak berpuas hati dengan catatan hari ini (semalam). Saya hadir ke SUKIPT untuk cuba pecahkan rekod kebangsaan milik saya untuk melayakkan diri ke Sukan SEA



Noor Amira tetap gembira walaupun gagal menyamai rekod kebangsaan miliknya sendiri.

tahun depan.

"Lagi pun saya tidak diberikan saingan atlit lain. Tumit masih berasa sakit tetapi saya cuba tahan untuk menghadiahkan pingat emas kepada UPM," katanya yang kini berada di tahun akhir pengajian dalam jurusan Ijazah

Pemakanan dan Kesihatan.

Merry raih perak

Pingat perak menjadi milik Merry Gabali dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan catatan 11.30m manakala atlit Universiti Teknologi Mara (UiTM), Lily Har-

tini Ahmad Zamri, tempat ketiga (11.19m).

Di hari keempat olahraga semalam, UPM menambah dua lagi pingat emas menjadikan keseluruhan pingat dengan mengumpul 12 emas, lapan perak dan dua gangsa.

UPM tepati ramalan unggul ragbi

Hadir sebagai status pilihan dan 'kilang' melahirkan atlit, Universiti Putra Malaysia (UPM) menepati ramalan apabila dinobatkan juara ragbi tujuh sebelah selepas mengalahkan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 26-12 di Stadium Ragbi UPM, semalam.

Pada babak pertama, UPM se-

perti membiasakan diri dengan corak permainan lawan apabila menamatkan separuh masa hanya dengan kedudukan 14-12.

UiTM raih pingat gangsa

Tetapi sebaik saja aksi bersambung di babak kedua, UPM terus mengorak langkah untuk menambah 12 lagi mata dan me-

nyekat lawan daripada menambah sebarang mata untuk menamatkan perlawanan 26-12.

"Aksi final ini kami hanya mahu kawal permainan dan bermain secara mudah. Di babak pertama strategi itu berjaya dan untuk mendahului pungan mata.

"Seterusnya, kami kekalkan co-

rak permainan itu dan cuba elakkan sebarang kesilapan. Ia berjaya dan kami cukup puas hati dengan kejayaan pingat emas ini," kata ketua pasukan, Nazeer Nesharah semalam.

Pingat gangsa dimenangi Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang mengetepikan Universiti Malaysia 17-12.



SUKIPT

28 Oktober - 11 November 2012
www.sukipt.com.my

KEDUDUKAN PINGAT

	E	P	G	Jum
UPM	51	22	21	94
UiTM	37	22	44	103
UniMAP	14	1	3	18
UTM	13	11	9	33
UM	10	12	15	37
USM	8	11	13	32
UKM	7	3	3	13
UTHM	6	5	0	11
KK Sabah	6	0	1	7
UPSI	5	9	8	22
UPNM	4	4	6	14
Taylor's	4	4	1	9
UUM	4	3	4	11
UIAM	3	12	10	25
INTI	3	7	0	10
Pol Ungku Omar	3	6	8	17
UMS	3	6	4	13
KK Pahang	3	5	4	12
KK Kedah/Perlis	3	1	1	5
UniSZA	2	6	8	16
Help	2	6	5	13
Segi	2	5	4	11
Unitar	2	3	1	6
KK Selangor	2	3	0	5
UniKL	2	0	3	5
Uniten	2	0	2	4
KK P Pinang	1	3	5	9
UTP	1	3	2	6
Nilai	1	2	2	5
UTMM	1	1	3	5